

'Tun, minta maaf'

Rafidah Aziz jumpa Tun Dr Mahathir sejurus sambutan Hari Kemerdekaan di Putrajaya selesai

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, meluru ke arah Tun Dr Mahathir Mohamad sambil menangis dan memeluk bekas Perdana Menteri itu sejurus upacara sambutan Hari Kemerdekaan ke-48 di sini, semalam.

Peristiwa singkat tetapi dramatik yang turut disaksikan sebahagian menteri Kabinet dan timbalan menteri, berlaku selepas keberangkatan pulang Yang di-Pertuan Agong, disusuli Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak.

Malah, Rafidah didengar meminta maaf kepada Dr Mahathir sebelum Penasihat Proton itu memasuki keretanya untuk beredar dari situ bagi menghadiri majlis santapan tengah hari bersama Yang di-Pertuan Agong di Istana Melawati, selepas menghadiri sambutan itu.

"Saya dengar Rafidah berkata 'Tun, minta maaf' masa Tun nak masuk kereta tetapi Tun kelihatan tersenyum sambil berkata 'sabaq, sabaq (sabar),' kata seorang pembantu Dr Mahathir yang menyaksikan kejadian itu.

Pada mulanya, Rafidah bersalam, sambil menangis dan memeluk Tun

Dr Siti Hasmah Mohd Ali ketika orang kenamaan lain turun dari pentas khas.

Ketika itu Dr Mahathir berjalan menghampiri keretanya yang sedang menunggu.

Rafidah kemudian meluru ke arah Dr Mahathir dan memeluknya sebelum memegang tangan bekas Perdana Menteri sambil berjalan ke arah kereta.

Hubungan Dr Mahathir dengan Rafidah agak tegang sejak tercetus isu berkaitan permit import (AP) sebelum ini

"Sebahagian daripada kenamaan kelihatan bertepuk tangan melihat Rafidah memeluk Tun Mahathir. Keadaan itu amat memilukan," kata seorang pegawai tertinggi kerajaan.

Bagaimanapun, seorang lagi men-

teri yang tidak mahu namanya disebut memberitahu Dr Mahathir kelihatan 'tidak selesa' apabila Rafidah memeluknya.

Ketika peristiwa itu berlaku, pihak media masih berada di kawasan belakang pentas khas kerana lokasi VIP itu adalah kawasan larangan.

Hubungan Dr Mahathir dengan Rafidah agak tegang sejak tercetus isu berkaitan permit import (AP) sebelum ini.

Dr Mahathir mendakwa pengeluaran tanpa kawalan AP oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyebabkan kereta murah dibawa masuk, manakala amalan membuat perisytiharan harga yang lebih rendah daripada harga sebenar untuk kereta import menjejaskan penjualan kereta nasional.

Bekas Perdana Menteri itu juga mempertikaikan kenapa kebanyakan AP dimonopoli beberapa ahli perniagaan Bumiputera tertentu. Berikutan kenyataan itu, Pejabat Perdana Menteri mengeluarkan senarai penerima AP antara 2004 dan 2005.

Rafidah yang mempertahankan cara AP itu dikeluarkan dibidas ketika Perhimpunan Agung Umno lalu, selain diminta memohon maaf kepada Dr Mahathir dan sesetengah pihak memintanya meletak jawatan.



PILU: Rafidah terharu sambil memeluk Tun Dr Mahathir selepas sambutan Hari Kemerdekaan di Dataran Putrajaya semalam.